

26/06/1997

MAS diminta jaga hak pekerja Islam

Abdul Jalil

TAHNIAH kepada Penerbangan Malaysia (MAS) kerana mencapai usia ke-50 tahun. Sudah pasti banyak pengalaman berharga yang dilalui sepanjang jangka masa itu.

Selaku rakyat Malaysia, pelanggan setia MAS dan lebih-lebih lagi secara tidak langsung menjadi sebahagian daripada ahli keluarga MAS, saya juga turut berasa bangga. Selepas terbabit dengan MAS barulah saya mula menyedari kenapa mutu MAS sentiasa menjadi pertikaian kebelakangan ini. Berdasarkan usia separuh abad dan lebih-lebih lagi diterajui oleh Tan Sri Tajudin Ramli, banyak perkara lapuk yang saya rasa sudah tidak seiringan lagi dengan MAS selaku duta yang membawa nama Malaysia ke lebih 110 destinasi di merata dunia dan perlu diubah.

Siapa yang tidak kenal Malaysia lebih-lebih lagi di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendapat pengiktirafan dunia selaku pemimpin Islam masa kini. Malang sekali MAS selaku duta Malaysia membawa gambaran sebaliknya. Selaku penumpang Islam, saya rasa terhina dan sedih bila melihat pramugara/i beragama Islam terpaksa menyediakan minuman keras kepada penumpang. Lebih memalukan lagi apabila mereka terpaksa pula mempromosi dan menjual arak kepada penumpang. Tidak sedarkah kita semua rakyat Malaysia yang beragama Islam perkara ini tidak sepatutnya berlaku di dalam sebuah penerbangan kebangsaan yang membawa nama Malaysia ke merata dunia.

Sekalung tahniah saya kepada pentadbiran MAS yang menarik balik kemestian memakai pewarna kuku kepada semua pramugarinya. Sekurang-kurangnya dapatlah pramugari Islam menunaikan sembahyang tanpa diberatkan oleh perkara remeh-temeh dunia. Saya harap arahan ini akan diikuti pula dengan arahan tidak perlu mempromosi dan menjual minuman keras di dalam penerbangan dan sebarang permintaan minuman keras oleh penumpang hanya akan disediakan oleh pramugara/i bukan Islam saja.

Belum sempat saya menarik nafas lega, terlihat pula saya iklan pengambilan pramugara/i di surat khabar. Selepas membaca insentif yang diberikan satu persatu, saya berasa begitu dukacita dengan cara MAS yang seolah-olah mengelirukan pemohon. Tempoh latihan yang dinyatakan selama tiga bulan tidak langsung menyatakan sebenarnya mereka yang lulus saja akan layak menjadi pramugara/i.

Insentif seterusnya berbunyi: "Elaun makan (berdasarkan jenis pesawat) mulai dari RM800 hingga RM3,500 sebulan". Jika berdasarkan pernyataan sudah tentulah ramai yang terpicat ingin menjadi pramugara/i kerana secara congak biasa saja dengan gaji asas RM802 dan elaun makan minum yang dinyatakan sudah tentu dengan mudah mendapat RM1,602 sebulan secara tunai ditambah pula elaun tugas melebihi lapan jam. Selepas memikirkan secara terperinci, elaun makan yang dinyatakan itu mungkin nilai makanan percuma yang disediakan kepada pramugara/i dalam setiap penerbangan. Saya harap jika pernyataan ini silap, bolehlah sesiapa yang berkenaan dari MAS membetul dan menjelaskan perkara sebenar.

Saya harap selaku syarikat penerbangan unggul negara kita, pengambilan dan layanan terhadap pekerja secara jujur eloklah diberi perhatian. Ingatlah pekerja adalah aset paling penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MAS. Layanan profesional majikan saja layak menerima khidmat profesional daripada pekerja. Harap segala yang dinyatakan di atas diterima MAS secara positif. Saya yakin MAS akan terus wujud jika kita sentiasa bersedia untuk berubah ke arah lebih positif.

